

JKKP anjur program di UMS Labuan

4B 12.5.2017 B4
LABUAN: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Wilayah Persekutuan Labuan akan menganjurkan program di UMSKampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada September akan datang.

Pengarahnya, Jinurah Sintian berkata pihaknya akan bekerjasama menganjurkan program berkaitan keselamatan pekerjaan dengan sasaran kepada pelajar dan kakitangan UMS Labuan.

Katanya JKKP akan memberikan pendedahan dan kesedaran kepada pelajar dan kakitangan mengenai fungsi dan peranan serta kepentingan jabatan itu.

“JKKP Labuan juga akan membantu UMS Labuan dalam bidang itu mengikut kehendak perundangan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap

Pengarah UMS Labuan Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik di pejabatnya di Aras 13, Bangunan Menara UMSKAL, kelmarin.

Turut hadir, Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohammad Tuah, Penolong Pendaftar Sektor Hal Ehwal Pelajar Mohd Fadzli Sarudi dan Pemeriksa Kilang dan Jentera JKKP Fazley A Wahid.

Sementara itu, Murnizam



berkata pihaknya sentiasa mengalu-alukan pengan-juran pelbagai program anjuran jabatan dan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO) dan swasta untuk manfaat pelajar dan kakitangan universiti.

MURNIZAM (tiga kanan) menerima cenderamata daripada Jinurah Sintian sambil diperhatikan Zamri (dua kanan) di UMS Labuan, kelmarin.